

selangorkini

PERCUMA | PP 19570/07/2020 (035196) | 5 - 11 NOVEMBER 2026 | mediaselangor.com

Pelaburan Google cipta 37,000 peluang kerja

Google rancang membina pusat data di Puncak Alam dan Serendah melalui pelaburan bernilai RM60.9 bilion. Pada masa ini, kemudahan sama di Elmina Business Park sedang dibangunkan.

Projek itu dijangka menyediakan kira-kira 37,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam tempoh setahun. Malah, sekitar 800,000 pekerja juga berpeluang meningkatkan kemahiran.

Google juga akan menjalankan dua projek pemulihan air di lembangan Sungai Buloh dan Sungai Selangor. Sebelum ini, projek di Tasik Taman Aman menyaksikan kualiti air semakin meningkat.


MUKA 2



Pelajar Sekolah Rendah Agama Islam (SRAI) Seksyen 19 Shah Alam menerima sarapan percuma dalam Mega Program Nutrisi Selangor (NutriSel) pada 2 November 2026. Seramai 993,670 pelajar di seluruh negeri menikmati sumbangan tersebut. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶BERITA MUKA 4

pancawarna

Nyanyuk makin ancam orang muda



Pakar psikiatri: Merokok, kurang bersenam tingkat risiko penyakit

6

Manipulasi emosi helah penipuan



Licik dorong perasaan mangsa jadi takut, teruja, kasih sayang

5

Budaya membaca akhbar tidak mati



Pemilihan bahan bacaan ditentukan pengaruh teknologi digital

12

DAPATKAN
akhbar versi digital
IMBAS DISINI

Dua projek pemulihan bekalan air turut dirancang

Google buka pusat data di Puncak Alam, Serendah

Oleh **ADAM AZMAN**

SHAH ALAM - Google merancang membina dua lagi kampus pusat data di Selangor bagi memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan pengkomputeran awan dan kecerdasan buatan (AI) yang kian meningkat.

Syarikat gergasi dunia itu juga mahu memperkenal dua lagi projek pemulihan bekalan air sebagai tambahan kepada projek sedia ada di Tasik Taman Aman yang bermula sejak 2024.

Dua pusat data itu terletak di Eco Business Park di Puncak Alam, Kuala Selangor dan UMV High Value Manufacturing Park di Serendah, Hulu Selangor manakala dua projek pemulihan air di lembangan Sungai Buloh dan Sungai Selangor.

Menurut Ketua Infrastruktur Global Google Asia Pasifik, Ken Siah, pembinaan dua pusat data itu yang masih dalam perancangan akan melengkapi kemudahan sedia ada di Elmina Business Park di sini.

Katanya, pembukaan tersebut memudahkan perkhidmatan pusat data dipindah ke salah satu lokasi jika ada gangguan sementara bagi memastikan perkhidmatan tidak tergendala.

"Apabila anda membayangkan semua kampus (kampus pusat data) ini dan apabila semuanya beroperasi kelak, ia akan membentuk satu segi tiga strategik.

"Ini bermakna jika salah satu daripada tapak terputus perkhidmatan secara sementara, kami berupaya memindahkan semua perkhidmatan ke salah satu daripada dua tapak lain," katanya.

> **"Ini bermakna jika salah satu daripada tapak terputus perkhidmatan secara sementara, kami berupaya memindahkan semua perkhidmatan ke salah satu daripada dua tapak lain."**
>
> **KEN SIAH**
> Ketua Infrastruktur Global Google Asia Pasifik



Beliau berkata demikian kepada Media Selangor semasa lawatan media ke kompleks Google di Elmina Business Park pada 2 November.

Mengenai projek pemulihan air, Siah berkata ia kesinambungan inisiatif pemulihan air di Tasik Taman Aman dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Pusat Lestari Alam Sekitar (GEC).

Katanya, kualiti air tasik itu naik daripada kategori D kepada C hasil kejayaan menangani masalah alga, sekali gus menjadikannya sesuai untuk hidupan akuatik dan kegiatan rekreasi.

"Projek tambahan ini akan memberi tumpuan kepada lembangan sungai yang berdepan cabaran kualiti air termasuk limpahan air permukaan, dengan matlamat meningkatkan ketersediaan air bagi masyarakat dan menyokong kepelbagaian biologi.

"Kami bercita-cita memulihkan lebih banyak air berbanding jumlah yang kami guna," katanya lagi.

Tingkat kualiti air

Mengikut Institut Penyelidikan Hidrologi Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), kategori C merujuk kepada tasik yang memelihara hidupan akuatik dan kepelbagaian biologi. Kategori D pula tasik yang diuruskan untuk pemeliharaan minimum hidupan akuatik yang baik.

Beliau menjelaskan Google menggunakan piawaian perakaunan air volumetrik untuk mengukur jumlah tambahan air bersih yang dipulihkan ke tadahan air selain diaudit pakar hidrologi bebas.

"Pendekatan syarikat adalah memastikan usaha pemulihan yang menyumbang air tambahan kepada persekitaran," katanya sambil menyatakan piawaian itu diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Berkaitan sistem penyejukan pusat data, beliau berkata Google menggunakan gelung tertutup yang membawa air dingin bagi menyerap haba pelayan (server) dan sebahagian air merelap melalui menara penyejuk sebelum kembali ke kitaran air semula jadi.

Beliau memberitahu Google memilih kaedah penyejukan air sedemikian untuk pusat ekoran penilaiannya mendapati Selangor dan Negeri Sembilan tidak berdepan risiko kekurangan air.

> **"Projek tambahan ini akan memberi tumpuan kepada lembangan sungai yang berdepan cabaran kualiti air termasuk limpahan air permukaan, dengan matlamat meningkatkan ketersediaan air bagi masyarakat dan menyokong kepelbagaian biologi."**

Siah memberitahu Google juga berhasrat menyalur lebih daripada 1GW tenaga bersih ke grid elektrik tempatan melalui projek tenaga boleh baharu termasuk projek solar di Kedah bersama konsortium terdiri Shicheng Energy dan syarikat tempatan, Solarvest.

"Google juga membayar 100 peratus bil elektriknya tanpa subsidi melalui perjanjian dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada kadar lebih tinggi berbanding bayaran isi rumah biasa," katanya.

Mengenai kecekapan tenaga, beliau berkata keberkesanan penggunaan kuasa (PUE) pula antara julat 1.12 hingga 1.14 dalam persekitaran tropika berbanding kadar purata industri 1.54. Angka terhampir dengan 1.0 menunjukkan tahap lebih baik.

Menurut Siah, Google akan mendedahkan angka PUE setiap suku tahun sebaik sahaja pusat data mula beroperasi di samping angka penggunaan air tahunan bagi setiap lokasi.

Mengulas lanjut, Siah menjelaskan keputusan melabur di Malaysia dibuat sekitar tahun 2022 dan 2023 ekoran peningkatan permintaan terhadap kemudahan digitalnya termasuk Google Search, Maps dan Chrome.

Turut menilai lokasi di Johor dan Cyberjaya, Siah berkata Selangor dipilih atas faktor persekitaran baharu selain mengambil kira kesan operasi terhadap grid elektrik tempatan.

"Apabila kami membuat pelbagai penilaian awal yang kami panggil proses pemilihan tapak, kami melihat kesan yang terhasil jika kami menyambungkan pusat data ke grid tempatan," katanya.

Mengenai pemilihan Elmina Business Park, Siah berkata zon itu jauh dari perumahan manakala infrastrukturnya lengkap termasuk ada panel solar dan penuaian hujan yang selaras keperluan operasi.

Katanya, pelaburan itu juga membuka peluang kepada pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan termasuk rangkaian pembinaan, logistik, keselamatan, pengurusan sisa dan perkhidmatan operasi jangka panjang lain.

"Kami tidak membina di Malaysia disebabkan kami tidak boleh membina di negara lain. Kami membina di sini kerana kami melihat permintaan besar di Malaysia dan Asia-Pasifik," katanya.

APA ITU PUSAT DATA

Kemudahan fizikal yang menempatkan pelayan (server), sistem storan, rangkaian internet dan peralatan komputer. Ia menjadi 'jantung' kepada internet kerana hampir semua aplikasi digital bergantung kepada pusat data. Saiznya boleh mencecah ratusan megawatt



FUNGSI



Tingkat kemahiran 800,000 pekerja

Pelaburan Google tawar 37,000 peluang kerja setahun

Oleh **ADAM AZMAN**

KUALA LUMPUR - Pelaburan Google bernilai AS$15 bilion (RM60.9 bilion) di Malaysia dalam masa dua tahun membuka sekitar 37,000 peluang kerja setahun sepanjang proses pembinaan pusat data.

Presiden serta Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat berkata projek membina dua kampus baharu dijangka melibatkan kira-kira 6,000 peluang kerja dalam sektor pembinaan.

Beliau menjelaskan projek yang dijadual dibina antara tahun 2027 hingga 2028 dianggar berupaya menjana purata pendapatan tenaga kerja tahunan sebanyak AS$378 juta (RM1.53 bilion).

Apabila mula beroperasi, katanya, ia dijangka menyediakan lebih 9,000 pekerjaan tempatan pada setiap tahun pada kan kemahiran kira-kira 800,000 rakyat Malaysia antara 2027 hingga 2031 melalui empat program baharu yang menyasarkan golongan pendidik dan belia, usahawan mikro, penjawat awam serta pencari kerja dalam bidang vokasional," katanya.



Beliau berkata demikian dalam program Mantap Malaysia Bersama Kecerdasan Buatan (AI) di Universiti Malaya di sini pada 4 November. Hadir sama, Menteri Digital Gobind Singh Deo.

Porat juga memberitahu pelaburan Google itu juga dijangka menyumbang purata AS$1.1 bilion (RM4.46 bilion) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada setiap tahun.

Beliau menjelaskan Google meneruskan komitmen yang menjangkau 15 tahun beroperasi di Malaysia bertujuan menyokong pembangunan infrastruktur digital dan pertumbuhan ekonomi di negara ini.

"Google bekerjasama dengan lebih 80 entiti tempatan dalam bidang pembinaan, kejuruteraan awam, infrastruktur rangkaian, sistem bekalan kuasa dan penyejukan selain logistik serta perkhidmatan lain.

"Kerjasama itu dijangka berterusan sepanjang tempoh operasi pusat data yang boleh menjangkau beberapa dekad, sekali gus membolehkan pembekal tempatan meningkatkan kepakaran, mengembangkan rantaian nilai serta bersaing di pasaran antarabangsa.

"Google komited untuk mengembangkan kehadiran secara bertanggungjawab selain memberi nilai jangka panjang kepada ekonomi dan rakyat Malaysia," katanya lagi.

Sementara itu, Gobind Singh Deo memberi penekanan kepada keperluan supaya pelaburan itu diterjemah kepada peluang ekonomi jangka panjang untuk penduduk tempatan.

"Matlamat kita bukan sekadar membangunkan ekonomi yang menggunakan AI, sebaliknya kita mahu membina ekonomi yang menghasilkan AI," katanya.

Beliau percaya pelaburan itu asas untuk muncul sebagai negara AI menjelang tahun 2030 meliputi kejuruteraan termaju, teknologi penyejukan dan keselamatan siber.

Katanya, Malaysia kini memasuki fasa seterusnya dalam transformasi digital melalui sokongan pelaburan dalam pusat data, infrastruktur pengkomputeran AI selain sektor semikonduktor dan elektronik yang telah kukuh.



Pembentangan Belanjawan 2027 pada 13 November

Tambah dana tangani banjir, baiki jalan raya

menjelang BELANJAWAN SELANGOR 2027

SHAH ALAM - Pengukuhan perkhidmatan kesihatan awam, tambah baik infrastruktur dan usaha membasmi kemiskinan antara program yang perlu diberi keutamaan dalam Belanjawan Selangor 2027.

Pelbagai pihak menyuarakan harapan supaya peruntukan ditambah khususnya melibatkan projek tebatan banjir, penyelenggara jalan raya, kebajikan warga emas, peluasan peluang kerja dan peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari akan membentang belanjawan negeri 2027 pada 13 November. Orang ramai boleh mengikuti pembentangan secara langsung melalui mediaselangor.com

Datuk Bandar Klang, Dato' Abd Hamid Hussain berkata kerja baik pulih laluan dan memperkukuh sistem tebatan banjir penting berikutan Klang menampung pergerakan kenderaan berat setiap hari.

Katanya, prasarana yang baik penting bagi memastikan kelancaran pengangkutan, mengurangkan risiko bah dan mengelak gangguan terhadap kegiatan ekonomi serta kehidupan penduduk.



> **Sebagai bandar yang mempunyai pelabuhan serta menampung pergerakan kenderaan dan pengangkutan berat, kita mengharapkan dalam bajet ini supaya infrastruktur tersebut diberi keutamaan**
>
> **DATO' ABD HAMID HUSSAIN**
> **Datuk Bandar Klang**

"Sebagai bandar yang mempunyai pelabuhan serta menampung pergerakan kenderaan dan pengangkutan berat, kita mengharapkan dalam bajet ini supaya infrastruktur tersebut diberi keutamaan," katanya kepada Media Selangor.

Hasrat sama dinyatakan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang Nazli Md Taib yang berharap limpahan peruntukan negeri ditumpu kepada projek tebatan banjir dan naik taraf jalan raya.

Katanya, sokongan dana negeri penting kerana ada projek skala besar yang tidak mampu ditampung pihak berkuasa tempatan (PBT) selain penyelenggaraan sesetengah jalan memerlukan penyelarasan bersama agensi lain.

Menurut Nazli, peruntukan negeri membantu PBT menjayakan projek dan kerja penambahbaikan berdasarkan keperluan setempat, khususnya isu yang memerlukan dana lebih besar.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin pula berharap program kesihatan awam diperkukuh terutama kesihatan mental dan kebajikan warga emas seiring perubahan demografi negeri.

Beliau memberitahu kesinambungan serta peluasan inisiatif sedia ada diharap dapat memastikan lebih ramai rakyat, khususnya golongan sasar mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti.

EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu pula mencadangkan peruntukan bagi membasmi kemiskinan ditingkat untuk disalur dalam bentuk kewangan, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan.

"Pembasmian kemiskinan tidak boleh bergantung kepada bantuan semata-mata. Kita perlu membantu rakyat memperoleh kemahiran, mendapatkan pekerjaan dan membina sumber pendapatan lebih konsisten untuk jangka panjang," katanya.

EXPRESSION OF INTEREST (EOI)

PNSB
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
199001014678 (206347-V)

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB) INGIN MEMPELAWA MANA-MANA SYARIKAT DAN/ATAU KONSORTIUM YANG BERMINAT UNTUK MENGEMUKAKAN *EXPRESSION OF INTEREST (EOI)* BAGI MANA-MANA CADANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH SEPERTI BERIKUT:

1. **CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH SELUAS LEBIH KURANG 1,100 EKAR DI BUKIT BERUNTUNG:**
   - i. **Baki Plot Tanah H.S.(D) 8160, Lot 3243, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan seluas lebih kurang 141 ekar;**
   - ii. **Plot Tanah GRN 40124, Lot 2066 dan 2073, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan, seluas lebih kurang 684.75 dan 2.18 ekar;**
   - iii. **Plot Tanah PN 5282, Lot 2067, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan, seluas lebih kurang 20.03 ekar;**
   - iv. **Plot Tanah GRN 44200, Lot 1995, Mukim Serendah, Daerah Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan, seluas lebih kurang 259.75 ekar; dan**
   - v. **Plot Tanah GRN 53432, Lot 2018, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan, seluas lebih kurang 14.73 ekar.**
2. **CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI ATAS PT 1682 H.S.(D) 6783, PT 1683 H.S.(D) 6784 DAN PT 1684 H.S.(D) 6785 MUKIM BAGAN NAKHODA OMAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN DAN DI ATAS PT 4791 H.S.(D) 7802, PT 4792 H.S.(D) 7804, MUKIM SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN SELUAS 413 EKAR (SELARAS DENGAN HALA TUJU PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MELALUI INISIATIF *SABAK BERNAM DEVELOPMENT AREA* (SABDA) YANG MENGAMBIL KIRA SEBAGAI ZON INDUSTRI PERIKANAN).**
3. **CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS PT 7913 H.S.(D) 310601, MUKIM BESTARI JAYA, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN SELUAS LEBIH KURANG 100 EKAR.**

1) **EOI ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan atau antarabangsa yang berminat dan berkelayakan untuk mengemukakan dokumen lengkap yang mengandungi:**
   - a. **PROFIL SYARIKAT**
     - i. **Latar Belakang Syarikat/Konsortium**
     - ii. **Sijil Pendaftaran (SSM, CIDB, REHDA)**
     - iii. **Struktur Organisasi**
     - iv. **Projek-Projek Terdahulu (jika ada)**
     - v. **Ringkasan Cadangan dan Pulangan *(Project Brief & Return)***
   - b. **KEMAMPUAN KEWANGAN**
     - i. **Penyata Kewangan dan Akaun Syarikat yang diaudit (3 tahun).**
     - ii. **Kemudahan kewangan dari Institusi kewangan *(Facility & trade-line).***
     - iii. **Bagi syarikat yang beroperasi sebagai Syarikat Bertujuan Khas (SPV), maklumat dan rekod syarikat induk boleh diguna pakai untuk tujuan penilaian kelayakan.**
2) **Sekiranya perlu, PNSB akan menghubungi syarikat untuk maklumat tambahan.**
3) **Pertanyaan berkenaan EOI hanya boleh dibuat melalui emel dan tiada bentuk komunikasi lain, termasuk *'walk-in'* akan dilayan. Pertanyaan secara emel boleh dialamatkan ke cmp@pnsb.com.my. PNSB tidak terikat untuk menjawab setiap pertanyaan yang diajukan.**
4) **Tempoh EOI ini adalah terbuka dari tarikh diiklankan dan tertakluk kepada ketersediaan lot tanah seperti yang di atas.**

70,000 calon SPM dapat sarapan percuma

SHAH ALAM - Kira-kira 70,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2026 bakal menerima sumbangan sarapan percuma sepanjang tempoh peperiksaan melalui Mega Program Nutrisi Selangor (NutriSel).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu langkah berkenaan bertujuan membantu pelajar untuk menghadapi peperiksaan dengan lebih baik dan bersemangat.

"Waktu peperiksaan (tempoh masih berjalan), kita sediakan makanan pagi atau makanan sewajarnya kepada anak-anak ini. Pelaksanaannya akan diumum dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demkian selepas menyempurnakan simbolik penyerahan program Mega NutriSel di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Seksyen 19 di sini pada 2 November.

Menurut Amirudin, NutriSel memanfaatkan 993,670 pelajar di seluruh negeri meliputi 962 sekolah termasuk pelajar di berasrama penuh, kolej vokasional dan kolej tingkatan enam.

"Program ini kita beri kepada semua pelajar secara one-off (sekali beri). Cuma, makanan tidak seberat program NutriSel sebab kita hendak raikan lebih 993,000 pelajar. Untuk Shah Alam sahaja, hampir 120,000 pelajar terima manfaat.

NutriSel adalah bantuan sarapan percuma yang bermula 3 Ogos hingga 3 Disember. Inisiatif dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor itu melibatkan peruntukan keseluruhan RM14.4 juta.

Pada awalnya, golongan sasaran pelajar terdiri dari kalangan isi rumah berpendapatan bawah RM2,000 sebelum ia diperluas kepada seluruh pelajar pada pertengahan Oktober.

pancawarna
Selangorkini | Edisi 5 – 11 November 2026 | mediaselangor.com

Kawal emosi, elak jerat scammer

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**
Foto **REMY ARIFIN**

Kerugian akibat penipuan dalam talian atau 'scam' di Selangor mencecah RM986.79 juta pada 2025, dengan sindiket turut memanipulasi emosi mangsa untuk memperdaya mereka.

Pegawai Psikologi, Faridah Abdul Jalil @ Abas berkata taktik itu boleh menyebabkan mangsa bertindak terburu-buru sehingga membuat keputusan yang merugikan diri sendiri.

Dalam keadaan panik, otak secara semula jadi lebih memberi tumpuan kepada ancaman dan mencari jalan untuk menyelesaikan atau melepaskan diri daripada masalah yang dihadapi.

Penipu juga menggunakan 'butang emosi' seperti takut, harapan dan keterujaan, kasih sayang serta kepercayaan dan desakan untuk mempengaruhi tindakan mangsa.

Manipulasi emosi ini boleh menyebabkan mangsa bertindak secara spontan tanpa sempat berfikir panjang terutama ketika berdepan situasi yang dianggap mendesak atau memerlukan tindakan segera.

Justeru, masyarakat disaran mengamalkan empat langkah mudah apabila berdepan situasi mencurigakan:



BERHENTI

Apabila mula merasakan sesuatu yang tidak kena, jangan terus mengikut arahan diberikan. Elakkan memindahkan wang, memberikan kod 'kata laluan sekali' (OTP) atau menekan sebarang pautan. Beri arahan kepada diri sendiri untuk berhenti seketika sebelum mengambil sebarang tindakan

BERTENANG

Tarik nafas perlahan beberapa kali, letakkan telefon seketika, bangun dari tempat duduk atau minum air. Beri sedikit masa kepada diri untuk keluar daripada keadaan panik supaya fikiran dapat kembali tenang dan membuat pertimbangan dengan lebih baik

SEMAK

Tanya diri sendiri sama ada perkara yang disampaikan itu benar dan masuk akal serta mengapa tindakan berkenaan perlu dilakukan dengan segera. Apabila sudah mula bertenang, perkara yang pada awalnya tidak kelihatan mencurigakan mungkin lebih mudah dikenal pasti sebagai sesuatu yang tidak masuk akal



> **Belajar mengenali dan mengurus emosi sendiri juga penting bagi membina ketahanan mental terutama apabila keputusan melibatkan wang dan maklumat peribadi**
>
> **FARIDAH ABDUL JALIL @ ABAS**

SAHKAN

Hubungi sendiri pihak bank, Polis atau agensi berkaitan melalui saluran rasmi. Jangan gunakan nombor telefon atau pautan yang diberikan oleh individu yang menghubungi kerana ia mungkin sebahagian daripada taktik penipuan

Elak terburu-buru

Faridah menambah empat langkah berkenaan penting untuk memberi ruang kepada individu bertenang, menilai situasi dengan lebih teliti dan berfikir secara rasional sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Selain mendengar apa yang penipu katakan, kita juga perlu peka terhadap perubahan diri sendiri dan menggunakan isyarat kendiri untuk menyedari apabila emosi mula mempengaruhi tindakan kita.

"Belajar mengenali dan mengurus emosi sendiri juga penting bagi membina ketahanan mental terutama apabila keputusan melibatkan wang dan maklumat peribadi," katanya kepada Media Selangor.



Pendekatan itu penting dalam usaha memutuskan manipulasi emosi yang digunakan sindiket sekali gus membantu mangsa menyedari keadaan, mengawal tindak balas diri dan mengelak daripada membuat keputusan terburu-buru yang boleh membawa kepada kerugian.

Sebelum ini, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour memaklumkan Selangor merekodkan kerugian tertinggi akibat penipuan dalam talian apabila mangsa kehilangan RM986.79 juta pada 2025.

Jumlah itu hampir satu pertiga daripada keseluruhan RM2.97 bilion kerugian akibat 'scam' yang direkodkan di Malaysia pada tahun berkenaan.

Jumlah kerugian di Selangor pula meningkat lebih dua kali ganda berbanding RM446.16 juta pada 2024, sekali gus menunjukkan ancaman penipuan dalam talian yang semakin membimbangkan.

Nyanyuk ancam orang muda

Oleh **ALIFF HAIQAL MOHAMED**
Foto **IJLAH MUNIRAH HASBUNALLAH**

Apabila seseorang mula lupa meletakkan kunci, terlupa janji temu atau tersilap menyebut nama orang terdekat, ramai menganggap ia sekadar tanda penuaan biasa.

Hakikatnya, perubahan kecil itu boleh menjadi petunjuk awal kepada masalah yang lebih serius iaitu demensia atau lebih dikenali masyarakat sebagai nyanyuk.

Penyakit yang menjejaskan daya ingatan, pemikiran dan keupayaan menjalani kehidupan harian itu sering dikaitkan dengan warga emas.

Namun ramai tidak menyedari bahawa nyanyuk juga boleh berlaku dalam kalangan individu yang lebih muda, terutama apabila melibatkan faktor kesihatan seperti penyakit saluran darah otak.

Lebih membimbangkan, ramai pesakit hanya mendapatkan rawatan apabila gejala menjadi semakin ketara. Pada ketika itu, sebahagian fungsi otak mungkin sudah terjejas dan peluang untuk memperlahankan perkembangan penyakit menjadi lebih terhad.

Ketika Malaysia bergerak ke arah status negara menua menjelang 2030, pakar mengingatkan masyarakat tidak memandang ringan tanda awal nyanyuk kerana pengesanan dan rawatan awal mampu membantu pesakit mengekalkan kualiti hidup lebih lama.

Pakar Psikiatri Hospital Pakar KPJ Klang, Dr Khoo Yee Laim berkata masyarakat perlu memahami nyanyuk bukan semata-mata penyakit yang berlaku akibat proses penuaan.

Golongan muda juga berisiko mengalami nyanyuk, khususnya demensia vaskular yang berlaku apabila saluran darah ke otak mengalami kerosakan atau penyumbatan.

"Penyakit seperti diabetes dan tekanan darah tinggi juga boleh merosakkan saluran darah sekali gus meningkatkan risiko strok dan demensia," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Gaya hidup tidak sihat seperti merokok, kurang bersenam, pengambilan alkohol berlebihan serta pemakanan tinggi lemak dan gula turut meningkatkan risiko seseorang mengalami kemerosotan fungsi otak.

Justeru, masyarakat tidak seharusnya menganggap penyakit kronik hanya memberi kesan kepada kesihatan fizikal kerana ia juga boleh menjejaskan kesihatan otak dalam jangka panjang.

Selain faktor kesihatan, Dr Yee Laim berkata kurangnya interaksi sosial dan aktiviti yang merangsang minda turut dikaitkan dengan peningkatan risiko demensia.

"Mereka yangjarang bergaul, kurang membaca atau kurang melakukan aktiviti melatih minda mempunyai risiko lebih tinggi mengalami demensia," katanya.

Menurut Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2025, hampir 10 peratus warga emas di Malaysia dipercayai mengalami demensia dan jumlah itu dijangka terus meningkat seiring pertambahan populasi warga emas di negara ini.

Bagaimanapun, ramai pesakit tidak mendapatkan penemuan awal kerana gejala awal sering disalah tafsir sebagai masalah lupa biasa yang dikaitkan dengan faktor usia.

Antara tanda awal yang perlu diberi perhatian termasuk mudah lupa, mengulang soalan yang sama, sukar mempelajari perkara baharu serta kerap tersesat walaupun di tempat yang biasa dilalui.

Dr Yee Laim menjelaskan perkembangan penyakit itu sebenarnya boleh diperlahankan sekiranya rawatan dimulakan lebih awal.

Gabungan rawatan ubat, terapi dan latihan minda mampu membantu pesakit mengekalkan fungsi otak serta menjalani kehidupan harian dengan lebih baik.

Beliau turut berkongsi pengalaman mengendalikan seorang pesakit yang mendapatkan rawatan ketika masih berada pada peringkat awal penyakit tersebut.

"Pesakit itu datang ketika simptomnya masih ringan. Selepas memulakan rawatan dan terapi lebih awal, keadaannya tidak menjadi lebih teruk walaupun selepas 10 tahun," katanya.

Kesedaran masyarakat terhadap nyanyuk perlu dipertingkat supaya lebih ramai individu berani mendapatkan pemeriksaan apabila mengalami perubahan pada daya ingatan atau fungsi kognitif.

"Semakin awal seseorang mendapatkan rawatan, semakin besar peluang untuk memperlahankan perkembangan penyakit," katanya.

KESIHATAN



SEKILAS FAKTA:

- **Pada 2021, dianggar 57 juta orang seluruh dunia menghidap demensia, dengan lebih 60 peratus daripadanya tinggal di negara berpendapatan rendah dan sederhana**
- **Setiap tahun, hampir 10 juta kes baharu demensia direkodkan**
- **Alzheimer merupakan bentuk demensia paling lazim dan menyumbang kira-kira 60 hingga 70 peratus daripada keseluruhan kes**
- **Demensia merupakan penyebab kematian ketujuh tertinggi di dunia serta punca utama kecacatan dan kebergantungan dalam kalangan warga emas**

FAKTOR MENINGKATKAN RISIKO SESEORANG ALAMI DEMENSIA:

- peningkatan usia
- tekanan darah tinggi
- paras gula tinggi
- berat badan berlebihan
- merokok
- pengambilan alkohol berlebihan
- kurang aktiviti fizikal
- kurang interaksi dengan masyarakat
- kemurungan

> **Mereka yang jarang bergaul, kurang membaca atau kurang melakukan aktiviti melatih minda mempunyai risiko lebih tinggi mengalami demensia**
>
> **DR KHOO YEE LAIM**

Legasi keluarga, rezeki komuniti

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

Di sebalik kerangupan produk jenama SZ Kerepek, tersimpan kisah seorang wanita yang cekal meneruskan legasi perniagaan keluarga selepas pemergian bapanya.

Daripada perusahaan kecil di belakang rumah, usahanya berkembang menjadi sebuah kilang yang bukan sahaja menghasilkan puluhan produk makanan ringan, malah turut membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

Perjalanan itu bermula pada 1999 apabila perusahaan keluarga di Kampung Sijangkang, Kuala Langat, hanya beroperasi secara kecil-kecilan dengan kemudahan serba sederhana.

Selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Syuhaidah Samsi, 43, mengambil keputusan memikul tanggungjawab meneruskan perusahaan yang ditinggalkan arwah bapanya demi memastikan sumber pendapatan keluarga tidak terhenti di tengah jalan.

"Saya bermula selepas SPM. Selepas arwah ayah saya pergi, saya ambil alih untuk uruskan perniagaan keluarga ini," kata pengarah SZ Legacy Holding Sdn Bhd itu.

Tanggungjawab yang dipikul pada usia muda itu akhirnya menjadi titik tolak kepada perkembangan sebuah perusahaan yang hari ini dikenali sebagai antara pengeluar makanan ringan tempatan di Selangor.



Selain demi membantu keluarga, permintaan berterusan pelanggan tetap turut mendorong Syuhaidah meneruskan legasi perniagaan itu.

Ketika ramai melihat kejayaannya melalui pemilikan kilang atau jumlah jualan, tidak ramai tahu sebenarnya perusahaan ini bermula di belakang rumah dengan kapasiti pengeluaran yang amat kecil.

"Perniagaan saya bermula di rumah. Kita bermula dengan 50 kilogram pisang dan 50 kilogram ubi," katanya.

Pengalaman mengusahakan perniagaan dari ruang yang terhad selama bertahun-tahun menjadi asas penting sebelum beliau berjaya membina kilang sendiri pada 2015 bagi memenuhi pertambahan permintaan pasaran.

Kebun sendiri sumber bekalan

Pertumbuhan itu turut disokong langkah mengukuhkan bekalan bahan mentah melalui kerjasama mengusahakan kebun pisang dan ubi bersama rakan-rakan.

Usaha menguruskan kebun seluas kira-kira 10 hingga 15 ekar bukan sekadar memastikan bekalan sentiasa mencukupi, malah membantu mengawal kos pengeluaran serta mengekalkan kualiti produk.

Selain kos lebih rendah, strategi itu membolehkan syarikat terus berkembang tanpa terlalu bergantung kepada bekalan pihak luar sekali gus memberi lebih keyakinan terhadap mutu setiap produk yang dihasilkan.

Daripada penghasilan kerepek pisang dan kerepek ubi, perusahaan itu kini menawarkan sekitar 30 hingga 50 jenis produk yang memenuhi cita rasa pengguna pelbagai peringkat umur.

Produk tradisional terus menjadi identiti syarikat, namun dipelbagaikan dengan inovasi melalui pelbagai perisa bagi memenuhi cita rasa pengguna masa kini.

"Produk utama kami adalah pisang tanduk gula Melaka, pisang tanduk original. Yang terbaru adalah pisang tanduk 'salted egg' dengan 'cheese'," katanya.

Selain memasarkan jenama sendiri, syarikat itu turut memberi tumpuan kepada pengeluaran secara pengilang asal (OEM), sekali gus membolehkan produk keluarannya dipasarkan menggunakan jenama pelanggan di seluruh negara.

Tempuhi cabaran

Perjalanan membina perniagaan itu bagaimanapun tidak terlepas daripada pelbagai cabaran, terutama membabitkan modal pusingan, peluasan pasaran dan keperluan mendapatkan pensijilan.

"Cabarannya dari segi perniagaan ini adalah, pertama pasaran, kedua modal untuk rolling. Satu lagi, bila kita tak ada pensijilan ini, susah nak bergerak lebih jauh," katanya.

Kesungguhan mendapatkan pensijilan Halal dan MESTI pada 2019 akhirnya membuka lebih banyak peluang kepada syarikat untuk memperkukuhkan kedudukan dalam pasaran moden.

Perubahan itu turut membantu meningkatkan keyakinan pengguna dan meletakkan produk keluaran syarikat sebaris dengan jenama lain di pasaran.

Ketika banyak perusahaan berdepan kesukaran sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 hingga 2021, permintaan terhadap produk keluaran SZ Legacy Holding Sdn Bhd pula meningkat dengan ketara.

"Pernah satu tahap itu, masa PKP memang melonjak naik sampai hampir cecah juta ringgit juga," kata Syuhaidah lagi.

Lonjakan permintaan itu antara pemangkin kepada perkembangan syarikat sehingga berjaya menembusi pasaran yang lebih luas.

Namun, di sebalik perkembangan perniagaan, Syuhaidah tetap berpegang kepada prinsip kejayaan perlu dikongsi bersama masyarakat tempatan yang lebih dekat di hatinya.

"Saya banyak upah orang Malaysia. Orang tempatan. Saya tak guna orang luar sebab di kawasan kita pun masih perlu bantuan," katanya.

Selain membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar, syarikat itu turut memasarkan produk keluaran usahawan kampung di premisnya, terutama ketika Ramadan apabila permintaan pengguna meningkat.

"Di kedai saya pun banyak ambil produk orang kampung untuk kita jual."

Hari ini, produk keluaran syarikat dipasarkan ke seluruh negara termasuk memasuki rangkaian ST Rosyam Mart, manakala usaha memperluaskan pasaran ke AEON sedang giat dijalankan sebagai langkah mengukuhkan lagi jenama tempatan.

Perjalanan yang bermula di belakang rumah itu membuktikan sesebuah legasi tidak berkembang hanya dengan keuntungan, tetapi melalui kesungguhan mempertahankan warisan keluarga sambil memastikan manfaatnya terus dirasai oleh komuniti yang menjadi sebahagian daripada perjalanan tersebut.



Roti kok warisan Machap Baru

















Penghasilan roti kok secara tradisional sejak lebih 90 tahun lalu masih diteruskan syarikat Kenn Guan Hiong Bread Factory di Durian Tunggal, Melaka.

Perusahaan yang kini diteruskan generasi keempat, Puah Chai Fei itu menjadi sebahagian warisan masyarakat setempat sehingga hari ini.

Roti kok dibakar sehingga garing menjadi seperti biskut. Lazimnya ia disapu marjerin atau mentega dan ditabur sedikit gula pasir sebelum dibakar semula hingga betul-betul rangup.

Kaedah membakar roti sebanyak dua kali digunakan supaya ia dapat disimpan lebih lama tanpa mudah rosak. Proses berkenaan memerlukan ketelitian bagi memastikan bentuk dan rasa roti tetap sama.

Bagi komuniti Hakka di Machap Baru, makanan tradisional tersebut bukan sekadar kudapan, ia menjadi sebahagian kehidupan masyarakat dan biasanya dinikmati bersama minuman di kopitiam.

Tradisi itu turut menghubungkan generasi apabila kaedah penyediaan serta cara menikmatinya terus dipertahankan meski gaya hidup masyarakat semakin berubah.

Jurufoto **ADAM DARWISH** merakam proses penghasilan roti kok sekali gus mendokumentasikan warisan makanan masyarakat setempat berkenaan.

ASEAN: Dari jerebu ke sindiran politik

Oleh **HELME HANAFI**



Hubungan Indonesia dan Singapura menghangat. Dua negara jiran yang saling memerlukan itu berdepan beberapa isu sensitif, daripada jerebu rentas sempadan, bekalan gas asli dan eksport tenaga boleh baharu, hinggalah persaingan infrastruktur digital serta laluan penerbangan jemaah umrah.

Perkembangan itu bukan sekadar perselisihan dua negara jiran. Kedudukan geografi, hubungan perdagangan dan kepentingan keselamatan serantau meletakkan Kuala Lumpur dalam kedudukan yang menerima tempias setiap kali Jakarta dan Singapura melalui fasa tegang.

Justeru, Malaysia perlu bijak mengimbangi kepentingan kedua-dua pihak. Persoalannya bukan bagaimana mengelakkan diri daripada terhimpit, tetapi sejauh mana negara ini mampu memanfaatkan kedudukannya sebagai rakan strategik dan penghubung dalam ASEAN.

Isu paling ketara ialah jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut di Sumatera serta Kalimantan. Asap bukan sahaja menjejaskan kesihatan rakyat Indonesia, malah mencemari udara Singapura dan Malaysia, sekali gus menjejaskan kehidupan harian, pelancongan dan kegiatan ekonomi.

Singapura mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat yang disyaki ada kaitan dengan kebakaran tersebut. Jakarta pula menegaskan tindakan penguatkuasaan mesti menghormati kedaulatan undang-undang Indonesia.

Pertemuan Menteri Luar Singapura, Vivian Balakrishnan, dengan rakan sejawatnya, Arrmanatha Nasir, di Jakarta pada 27 Oktober lalu menghasilkan persetujuan menubuhkan pasukan petugas bersama bagi menyiasat syarikat yang dikait dengan kebakaran.

Ini perkembangan penting. Penyelesaian isu itu tidak boleh bergantung kepada teguran diplomatik semata-mata. Perkongsian maklumat, siasatan korporat dan pengesanan aliran kewangan rentas sempadan perlu menjadi sebahagian usaha membanteras pembakaran hutan.

Belum reda isu jerebu, Indonesia mengumumkan pengurangan eksport gas asli melalui saluran paip ke Singapura sebanyak 31 BBTUD, kira-kira lapan peratus jumlah bekalan yang dinyatakan.

Menteri Tenaga dan Sumber Mineral Indonesia, Bahlil Lahadalia, menjelaskan langkah itu bagi mengutamakan keperluan domestik, khususnya sektor elektrik dan industri. Jakarta menegaskan pengurangan tersebut masih dalam had minimum kontrak yang dipersetujui.

Namun, dalam diplomasi antarabangsa, masa pelaksanaan keputusan sering mencetuskan tafsiran berbeza. Singapura yang bergantung kepada gas asli bagi menjana sebahagian besar bekalan elektriknya tentu memandang serius perkembangan tersebut.

Lebih menarik, pada 2 November lalu, Bahlil turut memberi amaran Indonesia tidak akan mengeksport elektrik kepada Singapura jika harga yang ditawarkan tidak memenuhi kepentingan negara itu. Kenyataan tersebut memberi dimensi baharu kepada rancangan perdagangan elektrik rendah karbon sehingga 3.4GW menjelang 2035.

> **“Kuala Lumpur tidak wajar bersikap pasif. Malaysia perlu menjadi penghubung diplomatik yang rasional, tanpa memihak dalam pertikaian, tetapi tegas mempertahan kepentingan ekonomi dan keselamatan negara.”**

Pertikaian turut merebak ke ruang digital apabila muncul sindiran mengenai kebergantungan trafik internet Indonesia kepada pusat data Singapura. Jakarta mengingatkan kabel dasar laut yang menghubungkan Singapura dengan dunia melalui perairan Indonesia.

Semua ini memperlihat realiti baharu: persaingan negara moden bukan lagi terbatas kepada sempadan fizikal, tetapi turut melibatkan tenaga, data dan infrastruktur strategik.

Satu lagi perkembangan menarik ialah gesaan Timbalan Menteri Haji dan Umrah Indonesia, Dahnil Anzar Simanjuntak, supaya jemaah umrah republik itu mengutamakan penerbangan terus ke Arab Saudi berbanding transit di Malaysia dan Singapura.

Alasannya termasuk keselamatan penerbangan dan usaha memperkukuh syarikat penerbangan nasional Indonesia. Langkah itu turut memperlihat bagaimana persaingan ekonomi boleh melibatkan pergerakan manusia dan industri perkhidmatan.

Bagi Malaysia, perubahan laluan tersebut ada kesan terhadap sektor penerbangan dan pelancongan. Selangor juga ada kepentingan tersendiri melalui KLIA di Sepang dan Pelabuhan Klang, dua pintu penting yang menyokong perdagangan, logistik serta pergerakan antarabangsa.

Sebarang perubahan aliran perdagangan, penerbangan dan pelaburan antara Indonesia dengan Singapura berupaya memberi kesan kepada industri pengangkutan, perkhidmatan dan rantaian bekalan di Selangor.

Malaysia juga berkongsi sempadan darat dan maritim dengan Indonesia serta ada hubungan ekonomi rapat dengan Singapura. Kedua-dua negara penting kepada kestabilan Selat Melaka dan Selat Singapura, laluan utama perdagangan antarabangsa.

Justeru, Kuala Lumpur tidak wajar bersikap pasif. Malaysia perlu menjadi penghubung diplomatik yang rasional, tanpa memihak dalam pertikaian, tetapi tegas mempertahan kepentingan ekonomi dan keselamatan negara.

Hubungan panas dingin Jakarta-Singapura membawa pengajaran penting. Nasionalisme dan kedaulatan negara memang perlu dipertahan, tetapi tidak boleh mengatasi kepentingan bersama.

Singapura memerlukan kestabilan Indonesia sebagai jiran dan rakan ekonomi, manakala Indonesia memerlukan pelaburan, teknologi serta jaringan perdagangan Singapura. Kedua-duanya ada kepentingan untuk memastikan hubungan tidak terjerumus ke dalam konflik terbuka.

Bagi Malaysia, kedudukan di tengah-tengah dua jiran strategik itu menuntut dasar luar yang cerdik dan berprinsip. ASEAN perlu bergerak melampaui kenyataan bersama dengan memperkukuh mekanisme penyelesaian pertikaian dan kerjasama praktikal.

Akhirnya, apabila asap jerebu reda, pertikaian tenaga selesai dan sindiran politik dilupakan, ketiga-tiga negara tetap berkongsi ruang geografi dan kepentingan ekonomi yang sama.

Malaysia tidak harus sekadar menjadi penonton. Sebaliknya, perlu memainkan peranan aktif memastikan kestabilan serantau terpelihara, kerana kemakmuran Malaysia, Indonesia dan Singapura saling berkait antara satu sama lain.

Pelihara akidah dalam perayaan agama lain



Bicara Agama

Pendekatan Islam terhadap hubungan antara muslim dengan penganut agama lain perlu dibina atas dua prinsip yang seiring: menghormati kewujudan agama lain dan mempertahan batas akidah sendiri.

Kedua-duanya tidak bercanggah. Islam tidak mengajar umatnya memusuhi manusia hanya kerana berbeza agama. Islam juga tidak membenar umatnya mencampur aduk pegangan akidah hingga batas kepercayaan menjadi kabur.

Menjelang sambutan Depavali, persoalan ini kembali dibincang dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Ada berpandangan kehadiran muslim dalam perayaan itu simbol perpaduan. Ada pula bimbang ia membawa penglibatan dalam perayaan keagamaan yang tidak selari ajaran Islam.

Justeru, kita perlu membezakan antara menghormati penganut agama lain, menghadiri pertemuan sosial bersama dan turut serta dalam upacara keagamaan. Ketiga-tiganya bukan perkara sama.

Islam mengiktiraf kewujudan kepelbagaian agama dalam kehidupan tetapi ia bukan bermaksud pengiktirafan terhadap semua kepercayaan sebagai benar menurut perspektif akidah Islam.

Al-Quran menjelaskan kepelbagaian manusia sebagai sebahagian ketentuan Allah SWT. Firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 13: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu saling berkenalan."

Ayat itu asas penting pembinaan masyarakat majmuk. Allah tidak menjadikan manusia daripada satu bangsa, satu bahasa atau satu kebudayaan. Sebaliknya, manusia dicipta dalam kepelbagaian supaya berkenalan, saling memahami dan membina kehidupan bersama.

Dalam konteks Malaysia, penganut lain ada hak mengamal agama mereka. Mereka ada kebudayaan, tradisi dan perayaan tersendiri. Umat Islam tidak wajar memandang rendah, menghina kepercayaan atau mengganggu kebebasan beragama mereka.

Allah SWT memberi panduan dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 8: "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu."

Perhati dua perkataan dalam ayat itu iaitu al-birr dan al-qist. Al-Birr membawa maksud melakukan kebaikan manakala al-Qist bermaksud berlaku adil. Ini menunjukkan hubungan muslim dengan bukan muslim bukan dibina atas dasar permusuhan. Sebaliknya, Islam menggalakkan kebaikan, keadilan, persahabatan dan hubungan kemanusiaan.

Dalam sambutan Deepavali, umat Islam wajar menghormati hak mereka untuk meraikannya. Tidak perlu ada sikap menghina, mengejek atau memperlekeh sambutan mereka. Namun, menghormati bukan bermaksud kita perlu menyertai amalan keagamaannya.

Ada beza antara toleransi beragama dengan pencampuradukan agama. Toleransi bermaksud memberi ruang kepada orang lain mengamal kepercayaan mereka tanpa gangguan. Pencampuradukan agama pula apabila seseorang melibatkan diri dalam amalan yang bercanggah pegangan agama sendiri.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Kafirun, ayat 6: "Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku."

Ayat itu bukan mengajar umat Islam memusuhi penganut agama lain. Sebaliknya, ia memberi penegasan wujud perbezaan prinsip antara agama yang tidak boleh dikaburkan.

Kita boleh bekerjasama dalam pekerjaan, perniagaan dan pembangunan negara. Kita boleh membantu mereka ketika kesusahan. Kita juga boleh hadir dalam pertemuan sosial yang tidak melibatkan ritual keagamaan.

Namun, kita tidak boleh menyertai upacara pemujaan, sembahyang, bacaan mantera, penyembahan dewa-dewi atau ritual kepercayaan mereka. Seorang muslim ada tanggungjawab mempertahan tauhid. Penghormatan terhadap manusia usah sampai mengorbankan prinsip pengabdian kepada-Nya.

Allah mengingatkan dalam Surah al-An'am, ayat 108 supaya umat Islam tidak mencela sembahan penganut agama lain kerana perbuatan itu boleh menyebabkan mereka membalas dengan mencela Allah secara melampaui batas.

Dalam hadis yang diriwayat Abu Dawud, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam kalangan mereka." - Abu Daud (4031)

Hadis itu kerap dijadikan sandaran perbincangan mengenai larangan umat Islam meniru amalan yang menjadi identiti khusus agama lain. Namun, hadis itu perlu difahami secara kontekstual.

Bukan persamaan pakaian, makanan, bahasa atau kebudayaan menjadikan seseorang menyerupai agama lain. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah penyerupaan dalam syiar dan amalan khusus keagamaan yang membawa makna pengiktirafan atau penyertaan terhadap kepercayaan.

Justeru, seseorang muslim tidak wajar mengambil bahagian dalam ritual keagamaan lain meski atas alasan perpaduan.

Namun, bukan semua acara sambutan bersifat upacara keagamaan. Contohnya, seorang muslim menerima jemputan jiran beragama Hindu untuk makan di rumahnya. Majlis itu hanya melibatkan jamuan, pertemuan keluarga, perbualan dan hubungan kejiranan tanpa sebarang ritual keagamaan.

Ini berbeza jika menghadiri upacara sembahyang di kuil atau menyertai ritual pemujaan. Kita perlu membezakan menghadiri pertemuan sosial dengan perayaan dalam pengertian ritual keagamaan.

Mengikut Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan berkaitan undangan makan sempena Deepavali, umat Islam dibenarkan menerima jemputan dalam kerangka menjalinkan hubungan baik dan keharmonian masyarakat dengan syarat makanan diyakini halal manakala majlis tidak melibatkan ritual yang bertentangan dengan akidah.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah penggunaan slogan perpaduan secara tidak terkawal. Kadangkala, apabila seseorang muslim memilih untuk tidak menyertai ritual keagamaan agama lain, dia dituduh tidak bertoleransi, ekstremis atau tidak menghormati masyarakat majmuk.

Pandangan seperti ini perlu diperbetul. Menolak penyertaan dalam ritual agama lain bukan bermaksud membenci penganut agama tersebut. Ia pendirian yang lahir daripada tanggungjawab seseorang muslim dalam mempertahan kepercayaannya.

Bayangkan seorang penganut Hindu tidak mahu menyertai ibadah agama Islam kerana berpegang kepada kepercayaannya. Adakah kita patut menuduhnya tidak menghormati Islam? Sudah tentu tidak.

Kita sepatutnya menghormati pendirian tersebut. Maka, prinsip sama perlu diberi kepada umat Islam. Kita tidak boleh memaksa seseorang muslim menyertai ritual agama lain atas nama perpaduan.

Dalam masa sama, umat Islam juga tidak wajar menggunakan alasan mempertahan akidah untuk menghina, memulau atau melakukan diskriminasi terhadap masyarakat Hindu. Sebaliknya, Islam senantiasa mengajar kita supaya tegas dalam prinsip tetapi baik dalam pergaulan.

SIDANG PENGARANG

Editor (cetak):
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang kanan:
Afix Redzuan
syafiq@mediaselangor.com

Penolong pengarang:
Norzilawati Sidek
zila@mediaselangor.com

Ketua wartawan:
Nadiah Zamlus
sitinadiah@mediaselangor.com

Ketua jabatan visual:
Hafiz Othman
alhafiz@mediaselangor.com

Pereka grafik:
Azwa Malek & Farah Azila Mustapha

Pemasaran dan Pengiklanan:
Mahadi Mohd Mustafa
mahadi@mediaselangor.com

Pengedaran:
Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@mediaselangor.com

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

MediaSelangor
Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
